



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENGENDALIAN REMAN OLEH MAJISTRET / PENDAFTAR MAHKAMAH DI
BALAI-BALAI POLIS SELURUH MALAYSIA SEPANJANG TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN**

Atas permohonan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan setelah dipersetujui oleh YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara, dimaklumkan bahawa semua permohonan reman yang didengar di Mahkamah akan didengar di Balai-Balai Polis seluruh Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini adalah bertujuan bagi mengurangkan risiko penularan COVID -19 dengan meminimumkan pergerakan Orang Yang Disyaki (OYDS) dari Balai Polis ke Mahkamah.

Walau bagaimanapun, pihak PDRM perlu memastikan perkara-perkara yang berikut dipatuhi;

- i) Memberi pemakluman awal kepada Mahkamah yang berkenaan;
- ii) Memastikan bahawa keselamatan Pegawai dan kakitangan Mahkamah dan Peguam (sekiranya ada) terjamin;
- iii) Hak Orang Yang Disyaki (OYDS) untuk diwakili Peguam adalah tidak dinafikan; dan
- iv) Mematuhi Garis Panduan Pengurusan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA
2 April 2020